

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH : 13 OKTOBER 2014 (ISNIN)

SOALAN :

DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria yang diguna pakai untuk mengukur '*distribution of income*' antara rakyat yang kaya dan miskin dari dasar DEB yang menjanjikan penyusunan semula masyarakat dan Wawasan 2020 yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai negara maju.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria yang sering diguna pakai untuk mengukur '*distribution of income*' termasuklah:

- (i) pekali Gini bagi mengukur ketidakseimbangan keseluruhan dalam masyarakat. Nilai pekali Gini berada pada skala 0 hingga 1, yang mana nilai skala 0 menunjukkan agihan pendapatan yang saksama, manakala nilai skala 1 menunjukkan agihan pendapatan yang paling tidak saksama. Bagi Malaysia, ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan telah berkurangan daripada 0.431 pada tahun 2012 kepada 0.421 pada tahun 2014;
- (ii) nisbah pendapatan untuk mengukur jurang pendapatan antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain. Nisbah ketaksamaan pendapatan bagi di antara isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah dan 20 peratus tertinggi telah berkurangan daripada 1:6.58 pada tahun 2012 kepada 1:6.18 pada tahun 2014;
- (iii) pertumbuhan dan bahagian pendapatan bagi kumpulan tertentu seperti kumpulan isi rumah berdasarkan kategori pendapatan. Sebagai contoh, bahagian pendapatan bagi isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah telah meningkat daripada 14.3% pada tahun 2009 kepada 14.8% pada tahun 2012; dan

(iv) tahap pendapatan median berbanding pendapatan purata nasional bagi mendapatkan gambaran berkaitan jurang pendapatan. Pendapatan median bagi tahun 2009 adalah RM3,626 dan pendapatan purata RM5,000 manakala bagi tahun 2014, pendapatan median telah meningkat kepada RM4,258 dan RM5,919 bagi pendapatan purata. Ini bererti bahawa secara amnya, kualiti hidup sebahagian besar rakyat turut meningkat seiring dengan peningkatan pendapatan tersebut.

Sekian. Terima kasih.